

16/09/2002

Pelajar cerita penderitaan rakyat Bosnia

Rosniza Mohd Taha

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelajar 11 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara dapat mendengar sendiri penderitaan rakyat Bosnia Herzegovina akibat peperangan yang melanda negara itu, esok.

Kisah di rantau Balkan itu akan disampaikan 23 pelajar Sekolah Camil Sijaric, Sarajevo, Bosnia Herzegovina yang dalam lawatan ke negara ini bersama lima guru pengiring, mulai semalam hingga 26 September ini.

Program julung kali itu anjuran Ibu Pejabat Umno dan Parti Tindakan Stranka Demokratik (SDA), Bosnia Herzegovina dengan kerjasama Ranhill Berhad dan Tanco Resort Berhad.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata cadangan membawa pelajar itu ke negara ini dicetuskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat sekolah itu, dua tahun lalu.

"Selain sesi bercerita, mereka akan menayangkan pita video yang memaparkan penderitaan hidup rakyat Bosnia sejak awal peperangan dan kesan peperangan itu terhadap rakyat dan negara berkenaan.

"Diharap ini memberi kesedaran dan pengajaran kepada pelajar negara ini selain mengingatkan mereka supaya bersyukur kerana dapat hidup dalam keadaan aman," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan rombongan pelajar berkenaan di Menara Kuala Lumpur, hari ini.

Tengku Adnan berkata, sepanjang 12 hari berada di negara ini, pelajar itu akan dibawa ke 11 sekolah terpilih termasuk di Pahang, Selangor, Terengganu, Kelantan, Negeri Sembilan, dan Wilayah Persekutuan.

Katanya, mereka juga dibawa melawat Muzium Kesenian Islam, Masjid Negara, Planetarium Negara, Menara Berkembar Petronas dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

"Lawatan ini juga bertujuan mendedahkan pelajar berusia antara lapan hingga 19 tahun mengenai cara hidup rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan sistem pendidikan negara ini.

"Kita berharap program ini memanfaatkan kedua-dua pihak selain mengeratkan hubungan persaudaraan antara kedua-dua negara," katanya.

Pengetua sekolah berkenaan, Faruk Jabucar, mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia yang menyumbangkan RM5 juta untuk pembinaan semula sekolah itu.

"Sebelum perang kita ada 6,000 pelajar dan segalanya musnah akibat peperangan, Namun, dengan sokongan kewangan Malaysia, kita berjaya membina semula sekolah ini dan mempunyai 800 pelajar ketika ini," katanya.